

19 OCT 2001

BELANJAWAN-PEMBUATAN

KURANGKAN PERGANTUNGAN KEPADA BARANGAN MODAL DIIMPORT

KUALA LUMPUR, 19 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menggesa supaya pergantungan kepada barangan perantara dan modal yang menjadi komponen terbesar dalam senarai import negara dikurangkan.

Bagi mempercepatkan program penggantian import negara, pengecualian cukai pendapatan yang diberikan kepada syarikat-syarikat yang terlibat dalam pengeluaran "machine tools, plastic injection machines, material handling equipment, robotic and factory automation equipment" serta komponen akan ditambah.

Sebagai Taraf Perintis, kenaikannya adalah sehingga 100 peratus daripada 70 peratus manakala Elaun Cukai Pelaburan dinaikkan kepada 100 peratus daripada 60 peratus, katanya ketika membentangkan Belanjawan 2002 di Dewan Rakyat, di sini.

Bagi syarikat-syarikat pembuatan jentera dan kelengkapan lain seperti kren, adalah dicadangkan kriteria nilai ditambah bagi tujuan pemberian Taraf Perintis 70 peratus atau Elaun Cukai Pelaburan 60 peratus dilonggarkan daripada 30 peratus kepada 20 peratus.

Bagi sektor pembuatan, Dr Mahathir berkata adalah perlu dimajukan lagi industri-industri berasaskan sumber, khususnya, perabot, produk oleokimia berasaskan minyak sawit dan barangan getah serta industri peralatan elektrik rumah yang mempunyai potensi permintaan yang tinggi, khususnya dari Asia Barat dan Afrika.

Pada masa yang sama, beliau berkata industri fabrikasi besi dan aluminium serta pengeluaran jenteran perlu dipercepatkan.

Ini adalah bagi menampung permintaan industri tempatan dan bagi eksport kren, loji penapisan minyak, dandang dan "fractionation towers" lain bagi kilang kimia dan petrokimia.

Bagi mempromosi jenama Malaysia, Dr Mahathir berkata kos pengiklanan domestik untuk mempromosi jenama Malaysia yang didaftarkan di negara ini kini diberikan potongan dua kali bagi tujuan cukai pendapatan.

Dalam usaha berterusan untuk memperkenalkan dan mempromosi jenama tempatan dalam pasaran-pasaran antarabangsa, kos pengiklanan bagi jenama Malaysia yang didaftarkan di seberang laut dan yuran profesional yang dibayar kepada syarikat pengurusan jenama Malaysia akan diberikan potongan dua kali bagi tujuan cukai pendapatan.

Sementara itu, bagi menggalakkan pelabur melabur semula, adalah dicadangkan Elaun Pelaburan Semula (RA) yang terhad selama lima tahun sejak 1998, dilanjutkan kepada 15 tahun berturut-turut bermula daripada tahun pelaburan semula dibuat.

RA kini diberikan kepada syarikat-syarikat pembuatan dan pengeluar barangan makanan yang dipromosi yang melabur semula dalam projek-projek pembesaran, pemodenan, kepelbagaian dan automasi. -- BERNAMA

SHO SHY JR